

WARISAN TUN NURUL HUDA KEUNGULAN DAYANG BEAUTY SECRETS

CANTIK, penuh karisma dan cekal berwawasan. Itulah paduan frasa yang boleh menggambarkan sepintas lalu personaliti milik Pengarah Urusan DAYANG Beauty Secrets (M) Sdn Bhd., Tun Nurul Huda Abdul Rahim, 34.

with NOOR HIDAYAH SHAHIEE
for WORD IZVAN ZAHLE

Sentiasa gigih membangunkan produk berasaskan penjagaan kesihatan serta kecantikan memenuhi adunan khas warisan turun-temurun keluarganya, wanita mesia disapa Nurul ini begitu yakin mampu memberi syngan lengit dalam dunia perniagaan.

Atas dedikasi bertahun-tahun usaha keras isteri kepada Pakar Motivasi terkenal Di Tengku Asmadi Tengku Mohamad nyata telah membuahkan hasil bila mana Jamu Ratus Warisan, Kopi Pegaga Warisan, Kopi Kattang, CocoaRich, JazQ30, Dayang Beauty Mist

with Rose Essence dan Dayang Treatment Mist keluaran DAYANG Beauty Secrets semakin diterima ramai. Dari kini, setelah hampir 10 tahun berada dalam pasaran, kesemua produk ini masih lagi relevan memenuhi kehendak pelanggan.



"Sebagai seorang wanita yang aktif duduk sahaja di rumah selepas menamatkan karier sebagai pengacara rancangan buai bicara Assalamualaikum di TV Alhijrah suatu ketika dahulu benar-benar membuatkan saya tidak senang duduk.

Jadi saya mencari kecenderungan baru bagi mengisi masa terluang. Kebetulan saya memang minat berniaga sejak kecil malah seakan menjadi tradisi setiap ahli keluarga saya untuk memiliki bisnes sendiri, situasi ini



Sentiasa optimum dalam setiap lga yang diusahakannya.

telah mencetus idea buat saya untuk terlibat sama dalam dunia perniagaan.

"Syukur alhamdulillah suami memahami kehendak tersebut. Lebih mengembirakan, dia juga kuat memberi semangat dan menyokong saya dalam membangunkan perniagaan.

"Segujurnya, saya memulakan bisnes dengan mengeluarkan produk terlebih dahulu. Kemudian barulah syarikat DAYANG Beauty Secrets ini diwujudkan setahun yang lalu bagi mengumpulkan kesemua produk yang pernah saya

usahakan di bawah satu bumbung.

"Kalau ditanya tentang kekuatan yang membuatkan produk saya mampu bertahan lama dalam pasaran, jawapannya mudah. Saya berpegang kepada prinsip apa yang dipasarkan perlu asli, unik dan penguasaha berkuasa penuh ke atas apa yang dikeluarkan.

"Maka itu produk kami bukan daripada jenis Original Equipment Manufacturer (OEM). Saya adun sendiri formula produk untuk menjaga khasiat, rasa dan keberkesannya.

"Sebagai contoh, Jamu Ratus Warisan. Saya belajar menghasilkan jamu ini daripada nenek saudara yang merupakan seorang bidan kampung diwagani ramai. Untuk memastikan sukatan tepat dan menjaga kualiti, saya 'turun' sendiri ke kilang bagi mencampurkan adunan herba," ujar Nurul menambah, nama DAYANG yang digunakan untuk menamakan syarikat miliknya itu telah diambil besempena nama timangan marjannya.

SIFU ANGGUN MENAWAN

Tidak hanya berjaya dalam perniagaan, ibu kepada Tengku Puteri Qaisara, 13, Tengku Iman Darwal, 10 dan Tengku Amran Hafazan, 4 tahun ini juga punya sifat mumi yang wajar dijadikan inspirasi oleh wanita di luar sana. Sentiasa belengsi kelebihan diri yang Allah kurniakan, dia acap kali menganjurkan sesi konsultasi imej secara percuma khasnya buat para pelanggan DAYANG Beauty Secrets.

"Secara peribadi saya merasakan selain kekuatan dan keberkesanan produk, seorang peniaga perlu menjaga keterampilan diri. Semuanya demi memancing keyakinan pelanggan untuk membeli produk yang dijual.

"Pendekatan inilah yang saya cuba bawa ke dalam diri lebih 100 etak dan ejen DAYANG Beauty Secrets di seluruh negara. Disebabkan saya juga merupakan seorang Perunding Imej Profesional, saya merasakan tidak salah sekiranya ilmu yang Allah swt kurniakan ini dikongsi bersama insan lain secara percuma.

"Selain kelas penampikan diri, kelas kecantikan juga turut dianjurkan untuk

para wanita yang mahu imej selari dengan pendedaran semasa, namun masih lagi menekankan diri seorang muslimah sejadi.

"Walaupun ada 'suara-suara' nakal mengatakan saya rugi kerana 'membuang' bakat dengan mengadakan sesi ini secara percuma, tetapi saya tidak kisah. Apa yang penting saya merasa puas. Hal ini kerana bukan keuntungan semata-mata menjadi matlamat hidup tetapi pembangunan lendir yang seimbang buat saya tekankan," kongsiya yang juga berpegang kepada prinsip kepuasan pelanggan adalah keutamaan diri serta perlu sentiasa positif dalam menanggapi cabaran bergelar usahawan.

IMPIAN MASA DEPAN

Berdih bicara soal hala tuju DAYANG Beauty Secrets pada masa akan datang, pemegang ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menyimpan hasrat untuk melahirkan lebih ramai usahawan baru. Dalam pada itu, Tun Nurul juga mahu membawa jenamanya menerobos pasaran antarabangsa.

"Berniaga membawa banyak manfaat. Oleh itu saya mahu menyerap keberkatan amalan sunah nabi ini dan seterusnya membantu ummah dalam merajani ekonomi. Justeru, saya sedang merangka strategi terbaik untuk melahirkan lebih ramai usahawan DAYANG Beauty Secrets pada masa akan datang, insya-Allah.

"Selain itu, bagi memenuhi kehendak pelanggan yang semakin pelbagai, saya memasang cita-cita untuk memvariasikan lagi produk keluaran DAYANG Beauty Secrets. Buat permulaan, tahun ini DAYANG Beauty Secrets sedang dalam usaha melahirkan jus minuman kesihatan dan kecantikan yang diberi nama Puteri Dayang Roselle & Gracea Drinks.

"Dan jika diizinkan Allah, saya berharap DAYANG Beauty Secrets terus mendapat tempat di hati umum dan dapat menembusi pasaran luar negara," akhiri anak kelahiran Darul Ridwan ini dengan senyuman.



Keluarga Ishaq Nurul.